

## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 3 (90)

11 Disember 2024  
9 Jamadilakhir 1446

### **PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 47/2024**

#### **PENAMBAHBAIKAN PROGRAM WAJIB PERKHIDMATAN (ONBOARDING PROGRAM, PROGRAM TRANSFORMASI MINDA, KURSUS KOMPETENSI PEGAWAI KESELAMATAN, COMPETENT EXECUTIVE CERTIFICATE & SIJIL KOMPETENSI ASAS AKADEMIK)**

Pihak Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 20/2024 bertarikh 6 November 2024 telah bersetuju meluluskan Penambahbaikan Program Wajib Perkhidmatan bagi *Onboarding Program*, Program Transformasi Minda, Kursus Kompetensi Pegawai Keselamatan, *Competent Executive Certificate* & Sijil Kompetensi Asas Akademik di Universiti Teknologi Malaysia.

2. Cadangan baharu pelaksanaan Program Wajib Perkhidmatan ini telah mengambil kira pandangan daripada sesi libat urus yang dihadiri oleh pelbagai pihak berkepentingan dan pakar rujuk. Objektif penambahbaikan ini adalah seperti berikut:

- i) Memberi pendedahan yang lebih menyeluruh kepada staf baharu mengenai UTM bagi mengerakkan agenda Universiti;
- ii) Menyediakan kompetensi asas kepada staf baharu UTM yang lebih holistik bagi membolehkan mereka layak disahkan di dalam perkhidmatan;
- iii) Membimbing staf baharu untuk lebih holistik, ketahanan melalui penerapan nilai teras organisasi yang lebih komprehensif melalui modul baharu yang distrukturkan semula;
- iv) Menyuntik nilai teras UTM iaitu elemen ISES (*Integrity, Sustainability, Excellence, Synergy*) bagi menyokong budaya organisasi dan matlamat strategik Universiti.

3. Cadangan penambahbaikan Program Wajib Perkhidmatan adalah seperti jadual berikut:

KURSUS/ PROGRAM	Penjenamaan Semula Nama Kursus		Kaedah Pelaksanaan		Tempoh Pelaksanaan		Semakan Modul		Elemen ISES	
	Sedia Ada	Baharu	Sedia Ada	Baharu	Sedia Ada	Baharu	Sedia Ada	Baharu	Sedia Ada	Baharu
On-Boarding Program	Kekal	Kekal	Fizikal	Kekal	3 hari	Kekal	8	7	Tiada	
Program Transformasi Minda	Kekal	Kekal	Fizikal	Kekal	5 hari	Kekal	17	15		
Sijil Eksekutif Pendidikan Tinggi	Berubah	Sijil Eksekutif Kompeten (CEC)	Berubah	Hibrid (Fizikal & Online Learning)	10 hari	3 hari (Fizikal & Online Learning)	17	14 Wajib, 3 Elektif		
Kursus Kompetensi Staf Bahagian Keselamatan	Berubah	Kursus Kompetensi Pegawai Keselamatan (KKPK)	Fizikal	Kekal	10 hari	11 hari	17	18		
Baseline Competencies for Differentiated Career Pathway	Berubah	Sijil Kompetensi Asas Akademik (SKAA)	Fizikal	Kekal	14 hari	10 hari	3	Kekal		Dimasukkan dalam kesemuanya modul (Tazkirah, Modul ISES & Adab Etika Profesional Staf, Pengurusan Integriti & Keselemanatan, Adab & Etika Pendidik)

### Jadual 1 : Penambahbaikan Program Wajib Perkhidmatan UTM

4. Pelaksanaan penambahbaikan program wajib perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tahun 2024. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti berstatus tetap dan kontrak (Iantikan UTM) sahaja adalah diminta mengambil maklum mengenai perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
- Pengarah Kampus UTM Pagoh
- Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah